

Jurutera Proses sangat mencabar

- Syarifah Natasha

Pernah disenaraikan sebagai penerima Anugerah Dekan sebanyak dua kali dan menyandang jawatan sebagai Naib Pengerusi Persatuan Mahasiswa Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (CHEST), ternyata telah membuktikan Sharifah Natasha Syed Jaafar bukan sahaja seorang mahasiswi yang bijak dalam pembelajaran, malahan turut bergiat aktif di pentas kokurikulum juga.

Menurut anak kelahiran Kuala Lumpur ini, penglibatan beliau dalam aktiviti kokurikulum dan “softskill” cukup membantu kerjayanya sekarang sebagai seorang Jurutera Proses di Syarikat MMC Oil & Gas Engineering Sdn. Bhd. yang disifatkannya sangat mencabar kerana perlu mengendalikan dan bekerja dengan pelbagai masalah, situasi dan lapisan staf yang begitu ramai.

Bekas graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia juga menyifatkan subjek yang ditawarkan di UMP seperti “Unit Operation”, “Eng Math”, “Mass & Energy Balance”, “Process Plant Design” dan seumpamanya banyak membantu beliau untuk mengendalikan struktur pekerjaan yang mencabar ini.

Namun, sebagai seorang graduan yang berlatar belakang pendidikan kejuruteraan kimia sepenuhnya, semestinya ia tidak menyukarkan beliau untuk mengaplikasikan sepenuhnya ilmu dan kepakaran yang diperoleh semasa berada di UMP dahulu.

“Sebagai seorang jurutera yang proses reka bentuk di sebuah syarikat jurutera perunding kepada industri minyak & gas dan petrokimia, saya diberi pendedahan dalam bidang reka bentuk dengan projek-projek syarikat minyak dan petrokimia utama di negara seperti Petronas Carigali, ExxonMobil, Optimal dan sebagainya,” ujar beliau.

“.....penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dan “softskill” cukup membantu kerjayanya sekarang sebagai seorang Jurutera Proses”.

